

# Demonstrasi jalanan tak boleh paksa perubahan

BH- 16/12/2007.

## Ketidakpuasan rakyat perlu disampaikan menerusi saluran betul: PM

Oleh Anwar Hussin  
dan Amirullah Andi Nur

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan demonstrasi jalanan tidak boleh memaksa kerajaan membuat sebarang perubahan drastik, malah ia mengganggu ketenteraman awam dan menggugat ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, segala aduan dan ketidakpuasan rakyat hendaklah disampaikan menerusi saluran betul bagi membolehkan kerajaan bertindak untuk mengatasinya.

"Segala dasar digubal mahupun perubahan yang dilakukan kerajaan adalah menerusi interaksi dengan rakyat yang disampaikan melalui saluran betul.

"Demonstrasi jalanan tidak boleh membawa sebarang perubahan kepada kerajaan. Perubahan hanya boleh berlaku apabila ia dilakukan menerusi saluran betul.

"Semua kehendak rakyat boleh disalurkan menerusi peraturan dan undang-undang ada. Kita dengar apa yang persatuan cakap, pandangan daripada koperasi dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), juga daripada pertubuhan lain dan parti politik yang membuat mesyuarat dan usul.


"Inilah cara kita selama ini," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hampir tiga jam, di sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, majoriti rakyat yang selama ini berdiam diri terhadap apa yang berlaku kini menemuinya bagi menyuarakan bantahan terhadap demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram.

"Ia disampaikan kepada saya oleh Damai Malaysia (gabungan 395 badan bukan kerajaan) dan kelmarin, 14 pertubuhan bukan kerajaan (mewakili masyarakat India).

"Mereka memberitahu bahawa setiap kaum mempunyai masalah tertentu tidak kira sama ada di bandar atau luar bandar," katanya.

Abdullah berkata, 'majoriti senyap' kini sudah bersuara supaya kerajaan bertindak tegas terhadap mereka yang mengganggu ketenteraman awam.



JAWAB PERTANYAAN: Abdullah dan Najib pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di PWTC, semalam.

Beliau berkata, demonstrasi jalanan baru-baru ini memberi kesan tidak baik kepada industri pelancongan dan menjejaskan perniagaan.

Katanya, masalah kemiskinan wujud di kalangan semua kaum sama ada di bandar mahupun luar bandar dan kerajaan mengambil tindakan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Berhubung dakwaan peguam Karpal Singh bahawa penahanan lima

pemimpin Hindraf mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak sah kerana Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengeluarkan arahan ISA tanpa meminta polis menahan individu selama 60 hari terlebih dulu, Abdullah berkata:

"Tidak semesti polis perlu menahan seseorang itu selama 60 hari kerana menteri boleh mengambil tindakan mengikut Seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri selepas berpuas hati yang orang yang disiasat itu terbukti wajar ditahan ISA," katanya.

Mengikut Seksyen 8(1) ISA 1960, Menteri Keselamatan Dalam Negeri mempunyai kuasa menandatangani perintah menahan mana-mana individu sehingga dua tahun tanpa perlu perbicaraan. Tempoh tahanan itu boleh dilanjutkan atas persetujuan menteri berkenaan.

Seksyen 73(1) akta sama memberi kuasa penuh kepada polis menangkap tanpa waran sebarang individu sengaja memudaratkan keselamatan negara dalam tempoh tidak me-

lebih 60 hari.

Selepas 60 hari, Menteri Keselamatan Dalam Negeri boleh melanjutkan tempoh penahanan tanpa perbicaraan selama dua tahun atau kurang dari tempoh berkenaan atau dibebaskan tanpa merujuk kepada mahkamah.

Ketika ditanya sama ada isu kumpulan pelampau itu sudah dianggap selesai berikutan penahanan lima pemimpin kumpulan terbabit mengikut ISA, Abdullah berkata:

"Pada waktu ini kita masih dapat mengekalkan keamanan dan keadilan dan memelihara ketenteraman awam, kita masih sedari ada juga percubaan untuk menggugat kedudukan ini dan kita akan terus berwaspada dan akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Berhubung mesyuarat MT semalam, Abdullah berkata, ahli Umno melahirkan sokongan dengan tindakan kerajaan dalam menangani isu yang membabitkan keselamatan negara dan ketenteraman awam, kebelakangan ini.

**“Kita berada di landasan baik ke arah menjadi negara maju dan rakyat tidak mahu perkara ini diganggu”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

IZHARI ANIFFIN / BERITA WINGGU

DANA  
ERSHIP  
ATION  
ASAN  
IPINAN  
PERDANA